



22 MEI, 1985

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

MEMBIMBING ANAK-ANAK CACAT:

PENGLIBATAN IBU BAPA PERLU

KERAJAAN memang mengambil perhatian yang berat terhadap anak-anak cacat serta mereka yang kurang bernasib baik di negara ini.

Melalui Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan khususnya dan jabatan-jabatan Kerajaan yang lain amnya, pelbagai langkah dan rancangan telah diusahakan dan diatur dalam memberi pengajaran serta bimbingan dengan harapan segala bimbingan itu akan dapat mereka pergunakan untuk kepentingan masa depan mereka. Walaupun anak-anak cacat dan mereka yang kurang bernasib baik itu mempunyai kekurangan-kekurangan tertentu baik dari segi mental mahupun fizikal akan tetapi mereka juga mempunyai bakat-bakat tersendiri, kebolehan-kebolehan tertentu, atau keistimewaan-keistimewaan khusus.

Kita meyakini anak-anak cacat itu juga berhasrat untuk menjadi manusia yang boleh dan mampu menyumbangkan sesuatu terhadap negara ini sesuai dengan kebolehan serta tingkat keistimewaan mereka kerana suatu bakat, suatu kebolehan dan suatu keistimewaan hanya akan dapat dikembangkan serta dimajukan dengan adanya bimbingan serta tunjuk ajar yang berencana, yang teratur dari pihak Kerajaan. Usaha-usaha yang berkebaikan ini yang dapat menjamin kepentingan hidup masa depan mereka hanya akan terlaksana dengan adanya kerjasama yang erat dari ibu bapa atau penjaga anak-anak cacat itu.

Dalam hal ini huluran kerjasama dari pihak ibu bapa dan penjaga anak-anak cacat yang

tidak kendur-kendurnya itu akan dapat membantu melicinkan usaha-usaha pihak Kerajaan dalam memaju dan memperkembangkan bakat mereka kerana sesuatu usaha hanya akan berhasil dengan adanya kerjasama dari kedua belah pihak.

Pada memenuhi tujuan membimbing anak-anak cacat ini pihak Kerajaan telahpun menyediakan peruntukan yang begitu besar bukan hanya untuk membina bangunan seperti Pusat Latihan dan Bimbingan Kampong Pulaie malah juga mendatangkan tenaga-tenaga pengajar yang berkelayakan dari luar negeri untuk mengajar serta membimbing mereka itu. Bagi memperkemaskinikan lagi bidang ini Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telah mengundang seorang pakar dari negara jiran yang khusus didatangkan pada membantu negara kita dalam membentuk rancangan-rancangan bimbingan yang bersesuaian kepada anak-anak cacat.

Setentunya usaha-usaha Kerajaan ini tidak akan disia-siakan oleh ibu bapa dan penjaga anak-anak cacat itu dan kita berkeyakinan dengan kerjasama yang sepenuhnya dari mereka, maka harapan kita bagi melihat anak-anak cacat itu menjalani hidup di masa depan secara terjamin adalah cerah.

Kebolehan serta kecekapan tersendiri yang telah dipertunjukkan oleh anak-anak cacat dan

mereka yang kurang bernasib baik ketika berlangsungnya Sukan Kecil Kali ke-3 bagi Kelas Bimbingan Kanak-Kanak Cacat baru-baru ini telah membuktikan bahawa mereka juga mampu bersaing dengan manusia yang serba sempurna dalam bidang sukan.

Koazaman serta kegigihan yang diperlihatkan oleh mereka dalam sukan tersebut membawa pertanda bahawa bimbingan serta tunjuk ajar yang telah mereka peroleh dari usaha-usaha pihak Kerajaan tidaklah sia-sia, mereka dapat memanfaatkan. Meskipun mereka mempunyai kecacatan tetapi mereka juga berjaya memperlihatkan bakat semua jadi mereka dalam bersukan di samping mencungkil kemampuan-kemampuan tersendiri tanpa merasa rendah diri.

Bagi orang ramai pula rasa tanggungjawab dan simpati terhadap anak-anak cacat ini didukung dengan cara menghulurkan bantuan yang berupa amal kebajikan mahupun material. Bantuan-bantuan kewangan dan lain-lain sumbangan dari badan-badan kebajikan, pertubuhan-pertubuhan belia, pihak-pihak swasta serta orang-orang perseorangan menunjukkan adanya kerjasama yang berterusan dari masing-masing pihak dalam membantu pihak Kerajaan melaksanakan rancangan-rancangannya untuk terus memberi bimbingan serta pengajaran kepada anak-anak cacat.

BERIKUT ialah ucapan penuh Menteri Pembangunan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman sewaktu merasmikan Seminar Kebudayaan Brunei di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 12 Mei lepas.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman.

ja dan beragama, malahan supaya ianya akan mencerminkan keperibadian yang baik dan menjadi teladan yang berkebaikan dan berterusan.

Teras kebudayaan

Kita sama-sama menyadari bahawa Negara Brunei Darussalam ini ialah sebuah Negara yang mempunyai teras kebudayaan yang kukuh dengan rakyatnya mempunyai unsur dan cara hidup yang berdisiplin dan berperibadian tinggi. Secara tepatnya kita boleh membentuk keperibadian kita melalui cara hidup yang baik iaitu dengan menyelaraskan unsur-unsur kebudayaan kita dengan kehidupan kita sehari-hari.

BURUK BAIK KEBUDAYAAN CERMIN PERIBADI SESUATU BANGSA

Kehidupan yang saya maksudkan di sini ialah kehidupan dengan ertikata kehidupan yang berkebaikan, kehidupan yang memaparkan teladan yang baik serta kehidupan yang berlandaskan unsur-unsur bernegara, beragama dan berjaya.

Bercakap mengenai penyerapan unsur-unsur kebudayaan ini dan praktiknya, saya berpendapat bahawa satu jalan untuk mempraktikkan unsur-unsur ini ialah dengan mengambil kira unsur-unsur kebudayaan tersebut dengan proses dan pelaksanaan pembangunan negara. Proses yang saya maksudkan di sini ialah proses penyerapan unsur-unsur kebudayaan itu dalam aktiviti-aktiviti pembangunan kita. Unsur-unsur seperti ini perlu dikenai proses dahulu sebelum ianya diresapkan ke dalam aktiviti-aktiviti dan selera rasa pembangunan kita tadi. Satu aspek yang ketara dan secara langsung boleh kita resapi ialah dengan menyesuaikan unsur-unsur kebudayaan tersebut dengan misalnya rekabentuk bangunan. Sebagai misal dulu-dulunya kita mempunyai rekabentuk rumah-rumah yang jelas menunjukkan kebudayaan dan keperibadian kita. Rumah orang-orang Brunei dulunya mempunyai bumbung, rumah orang-orang Brunei dulunya mempunyai bandul, rumah orang-orang Brunei dulunya mempunyai pintu yang besar dan lain-lain lagi. Jelas kepada kita bahawa aspek seperti ini perlu kita pupuk semula bukan saja pada konsepnya akan tetapi pada perlaksanaannya dengan menyelaraskan dengan perkembangan yang ada pada masa ini.

Pembajiran

Satu lagi aspek pembangunan yang boleh kita

kaitkan dengan kebudayaan ialah sikap pembaziran, pemborosan dan ketidaksanggupan setengah-setengah orang kita dalam proses pembangunan. Ketiga-tiga ini nampaknya semakin ketara di kalangan kita pada masa ini. Pembaziran dari segi menggunakan bahan-bahan yang berlebihan dan tidak praktikal. Pemborosan dari segi perbelanjaan ke arah perkara-perkara yang kurang penting seperti membelanjakan keutungan ke arah pembelian-pembelian yang tidak produktif dan bukannya untuk menambah kecergasan pelaburan dan meningkatkan mutu perusahaan masing-masing. Ketidaksanggupan pula boleh kita kaitkan dengan keengganan sebahagian belia-belia kita untuk bekerja keras di sektor-sektor yang mencabar seperti sektor-sektor pertanian, persendirian dan buruh.

Perangkaan

Di sektor pertanian, penglibatan belia-belia adalah semakin berkurangan. Perangkaan yang didapati menunjukkan bahawa sektor ini dari hari ke sehari makin ketinggalan dari segi penglibatan dan sumbangannya. Ianya lebih dikuasai oleh orang-orang luar walhal sektor ini adalah sektor yang penting dalam kehidupan dan peresapan kebudayaan kita sebab Negara Brunei Darussalam ini dulunya adalah sebuah negara yang bergantung kepada hasil pertanian dan dari sektor inilah sebahagian kebudayaan orang-orang Brunei dapat dipupuk dan diabadikan.

Di sektor persendirian dan buruh, kita sama-sama dapat merasai bahawa penglibatan orang-orang kita walaupun secara bilangan semakin bertambah akan tetapi secara kesannya makin berkurangan terutamanya dalam sektor

buruh. Kita sendiri menyadari bahawa penglibatan kita dalam sektor buruh ini hanyalah terhad kepada orang-orang tua. Hasil dari ketidaksanggupan ini pada masa ini ialah timbulnya keadaan kita bergantung kepada buruh-buruh dari luar. Buruh-buruh luar ini pula membawa bersama-sama mereka kebudayaan dan cara hidup mereka sendiri dengan hasil dan pembawaan tersebut ditambah dengan penyebaran luas mass media mengenai kebudayaan dan kehidupan yang terkeluar dari keaslian kebudayaan dan kehidupan serta keperibadian kita, timbulah gejala kebudayaan dedukan.

Apa yang saya bentangkan tadi hanyalah sebahagian dari misal dan kesan yang ketara yang kita lihat dan rasai. Saya penuh berharap semoga tuan-tuan dan puan-puan akan dapat sama-sama memikirkan langkah-langkah yang berkesan untuk kita sama-sama memperluaskan unsur-unsur kebudayaan kita bukan saja dengan semata-mata menitikberatkan dari segi akademiknya akan tetapi yang pentingnya ialah langkah pelaksanaan dan mempraktikkannya semoga ianya nanti dapat mencerminkan kita sebagai bangsa yang mempunyai keperibadian yang kukuh tetapi lembut, keperibadian yang tegas tetapi halus dan keperibadian yang luas tetapi berhimmah.

Dengan harapan sedemikian dan dengan hati yang ikhlas serta dengan mendahulukan kalimat bismillah hir rahman nir rahim, saya resmikanlah pembukaan Seminar Kebudayaan Brunei ini.

Sekian Wabillahi Taufik wal hidayah wasalam mualaikum warahmatullah hiwarakatuh.

BISMILLAH hir rahman nir rahim. — Assalamu-alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izinnya jua kita sama-sama dapat berkumpul pada hari ini, selawat dan salam ke atas Nabi besar kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut baginda.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei selaku penganjur seminar ini atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk sama-sama hadir dan seterusnya menyempurnakan pembukaan resmi seminar ini. Setinggi-tinggi Tahniah juga diucapkan kepada pihak penganjur di atas usaha berkebaikan mereka dalam menganjurkan seminar seperti ini yang mana saya difahamkan bertujuan bukan saja untuk mengenalpasti

identiti kebudayaan Brunei malah untuk menyebarkan kebudayaan di samping meninggikan semangat cintakan kebudayaan Brunei.

Saya sendiri berpendapat bahawa tema seminar ini iaitu "Kebudayaan Asas Keperibadian Bangsa" memang kena pada waktunya, kita bincangkan dan kita teliti bukan saja semata-mata kerana konsepnya malah kerana kebudayaan itu menurut definisi seharinya adalah sebagai satu unsur atau cara hidup kita semua. Sudah setentunya sebagai cara hidup, buruk baiknya kebudayaan itu akan secara langsung mencerminkan buruk baiknya keperibadian bangsa yang ampunya kebudayaan tersebut. Dari itu secara praktiknya kita perlu sama-sama memikirkan apakah langkah-langkah berkesan kita untuk memupuk kebudayaan tersebut supaya ianya bukan saja tidak bercanggah dengan unsur-unsur kehidupan kita secara berseorangan, bermasyarakat, bernegara, bera-



SEBAHAGIAN dari para peserta di Seminar Kebudayaan Brunei.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.... Siri ke-278

PUAK BATINIYYAH (Siri keenam)



Usaha ulama dalam mendedahkan kegiatan Batiniyyah :

PUAK Al-Isma'iliyah itu tiada mempunyai hubungan dengan Islam sama sekali, bahkan Isma'iliyah itu sejauh-jahat seteru Islam, sebagaimana mereka berdusta mengaku bernasab dan berketurunan dengan bersambung nasab dengan nasab Saidatina Fatimah binti Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bagaimana telah ditegaskan oleh ulama nasab dan ahli-ahli tarikh Islam yang dipercayai lagi amanah, begitu juga telah ditegaskan perkara yang tersebut itu di dalam Tarikh Abi Shammah, dan Tarikh Ibnu Kathir, dan Kashfu Asraril Batiniyyah oleh Al-Faqih Ibnu Malik Al-Hammaadi dan lain kitab dari kalangan ulama Ahli At-Tahqiq (dalam masalah nasab/keturunan baka Aghaahkhan itu dan dato neneknya dari puak Al-Isma'iliyah).

Berkata Ahli Tarikh Islam Al-Muarrihul Mas'udi dalam kitabnya "At-Tanbih" berbunyi: "Mazhab Al-Batiniyyah itu telah ditolak oleh beberapa orang ulama seperti Qudaamah bin Yazid An-Nu'mani, Ibnu 'Abdulkar Ja'ani, Abil Hasan bin Zakaria Al-Jarjani, Abi 'Abdullah Muhammad bin Ali bin Rizamut Ta'ail Kufi, Abi Ja'afar Al-Killaabir Raazi, dan lain-lain ulama, maka masing-masing menyebutkan mazhab Batiniyyah apa yang mereka ketahui dalam karangan mereka.

Kata Al-'Allamatul

Kauthari: "Dahulu saya telah melihat sebahagian yang molek dari Kitab Ibnu Rizam di antara kitab-kitab kepunyaan Ustaz Hamdis Safarjani dan saya tiada tahu sekarang mana pergi bahagian kitab itu?"

Ulama Usuluddin atau ulama Tauhid atau ulama Al-Kalaam (Shakarallahu Sa'yahum), mempunyai himmah yang tinggi dan amal yang dipuji pada mendedahkan tipu-helah puak Al-Batiniyyah, pada tiap-tiap masa dan zaman, demi memelihara ajaran ugama Islam, dengan mengarang karangan-karangan, kitab-kitab sejarah atau kitab-kitab tarikh dalam perkara puak Al-Batiniyyah. Dan Al-Ustaz Al-Bahhathah As-Syed Muhammad 'Izzah Al-'Ata'ul Husaini telah berusaha menyiarkan kitab-kitab yang terpilih seperti kitab "Kashfu Asraril Batiniyyah", karangan Ibnu Malik Al-Hammaadi, dan kitab "Annabihi Warraddu 'Ala Ahlil Ahwa' Wal Bida", karangan Abil Hussin Al-Malati dan kitab "Al-Farq Bainal Firaq" karangan Al-Imam Abdul Qahir Al-Baghdadi dan kitab "Attabsiru Fid-din" karangan Al-Imam Abil Muzaffar Al-Asfara'ini, kitab-kitab itu menyatakan dengan panjang lebar hal-ehwal Al-Batiniyyah yang memakai nama Al-Isma'iliyah, dan kitab-kitab itu memberitahu bahawa hubungan Al-Isma'iliyah dengan ugama Islam itu ialah hubungan merubuhkan Islam itu, begitu juga puak Al-Isma'iliyah adalah puak pendusta kerana mengaku bernasab kepada Ahil Bait pada pandangan selidik ulama Ahli At-Tahqiq, dan dalam kitab "Min 'Ibarit Tarikh" ada disebutkan sebahagian dari

hal-ehwal Al-Isma'iliyah itu, Al-Ustaz Al-'Ata'ul Husaini, sebagai tambahan di atas usahanya yang berfaedah kepada Islam sebagai sumbuhan kepada perpustakaan supaya masyarakat Islam mengetahui hal-ehwal Al-Batiniyyah secara meluas dan sempurna, telah mencetak kitab "Bayaanu Mazhabil Batiniyyah Wa Butlaanih" dari kitab "Qawa'idu 'Aqaid Ali Muhammadin" karangan Al-Faqihul Muarrikh Muhammad bin Al-Hassanud Dailamil Yamaani, seorang ulama yang ada di awal-awal kurun ke lapan Hijrah, dan dia menamatkan karangannya itu pada tahun 707 Hijrah.

Orang-orang orientalis telah mendapat potongan yang khas berkenaan dengan Al-Batiniyyah dari naskah yang tunggal dari kitab Ad-Dailami itu dari perpustakaan baginda Al-Imam Al-Maghfurlah Yahya Hamiduddin Al-Yamaani Raja Yaman yang mati syahid itu dicetak di Istanbul tetapi naskah-naskah kitab itu telah binasa dalam suatu kemalangan, dan tiada sampai kepada pembaca-pembacanya melainkan naskah-naskah yang sedikit. Maka seolah-olah kitab itu belum dicetak, dan kita berterima kasih kepada Al-Ustaz Al-'Ata'ul Husaini atas nama ilmu Islam dan di atas usahanya menyempurnakan bahasanya perkara Al-Batiniyyah itu.

Pendedahan Ad-Dailami tentang Batiniyyah :

Pengarang Ad-Dailami itu dalam pendahulunya di atas kitabnya itu berkata: "Sebelum kita menerangkan mazhab Al-Batiniyyah maka kita menerangkan dahulu

sebahagian dari mazhab Al-Ghulaah (pelampau), dan mazhab Al-Mufauwidah (menyerah) sebab mereka sebahagian dari puak Al-Batiniyyah, kerana asas dan dasar mazhab-mazhab Al-Ghulaah dan Al-Mufauwidah dan Al-Batiniyyah, Al-Isma'iliyah dan Al-Imaamiyyah Al-Ithna 'Ashariyyah bercampur gaul setengah akan setengahnya dalam banyak masalah dan perkara, oleh sebab itu dikatakan bahawa Al-Imaamiyyah itu lorong masuk ke dalam Al-Batiniyyah kerana semuanya puak-puak itu dalam puak Syi'ah dari pintu pihak Al-Imaamiyyah, semuanya mendakwa menyokong Ahil Bait (Tasyayyu'), dan semuanya melampau dalam ugama Islam kemudian mereka keluar meloncat dari perjalanan umat Islam dan orang Islam menjadi orang kafir.

Kemudian menurut beliau Puak Al-Ghulaah itu ada empat puak :

1. Yang berpendapat: "Bahawa Allah itu zahir di atas rupanya yang ada dalam Azal."

2. Puak yang berpendapat: "Bahawa Allah Ta'ala telah menyerahkan kuasa mentadbir alam ini kepada pemimpin-pemimpin (Al-Imam-Al-Imam) mereka dan Al-Imam-Al-Imam mereka telah menjadikan alam ini, memberi rezeki kepada alam, memati dan menghidupkan alam, membangkitkan pada hari kiamat, dan menyiksa dan memberi pahala kepada alam.

3. Puak yang berpendapat bahawa: "Sayidina Ali itu Allah."

4. Puak yang keempat berkata: "Sayidina Ali itu bukan Tuhan, tetapi ia Rasulullah, (Sayidina) Jibril telah silap dan datang

kepada (Sayidina) Muhammad (Sallallahu Alaihi Wasallam).

Kemudian pengarang Ad-Dailami itu menyebut dengan ringkas darihal puak Al-Batiniyyah, pengasas-pengasas Al-Batiniyyah, gelar-gelaran Al-Batiniyyah, dan cara-cara helah mereka yang sembilan, dan kata-kata mereka dalam iktidat dan amal ibadat, peringkat-peringkat cara menarik orang kepada seruan mereka, rupa mereka menyamar diri kepada tiap-tiap orang kerana memperdayakan mereka.

Kemudian ia menyebutkan satu persatu tipu-helah mereka dalam cara mendakwah orang, iaitu cara Tafarrus (meramalkan keadaan seseorang), Ta'niis (berlemah lembut dengan seseorang), Tashkiik (mendatangkan keraguan kepada seseorang), Ta'lik (menggantungkan satu perkara dengan satu perkara), Rab' (mengikat satu perkara dengan satu perkara), Tadlis (menipu), Ta'sis (membuat dasar), Khal (mengeluarkan seseorang dari satu keadaan ke satu keadaan) dan Inkhilaa' (merubah keadaan seseorang itu).

Kemudian Ad-Dailami menyebutkan rupa-rupa dusta (pendustaan) mereka pada membahaskan erti alam, erti manusia, erti Tuhan alam, perkara nubuwwah (kenabian), erti mu'jizat, erti Al-Quran, pemimpin-pemimpin mereka, perkara hari kiamat.

Kemudian Ad-Dailami menyebutkan bagaimana Al-Batiniyyah mentakwilkan atau memberi erti atau memberi makna pada kalimah Ash-Shahadah, pada ibadat, dan takwil mereka pada perkara tegahan Syarak, dan takwil mereka pada Al-Quran dan pada hadis-hadis dan takwil mereka pada huruf 29 huruf itu.

Kemudian Ad-Dailami itu menerangkan cara menolak dan membatalkan segala takwil dan putar-belit pada erti-erti dan makna-makna yang diberikan oleh mereka, dan menerangkan mana-mana takwil yang sah pada Syarak dan mana takwil yang batil pada Syarak.

Kemudian ia menerangkan cara menolak kata-kata mereka pada erti batin, dan ia menerangkan dalil-dalil yang menunjukkan mereka kufur dan keluar dari Islam, dan hukum Syarak Islam ke atas puak Al-Batiniyyah itu dan di atas anak-anak keturunannya mereka, dan lain-lain lagi.

Sandaran pendapat Ad-Dailami :

Pengarang Ad-Dailami telah mengarang kitabnya berasaskan apa yang ia lihat dari kitab-kitab Isma'iliyah itu sendiri, dan dalam kitab Ibnu Malik Al-Hammaadi, dan kitab Ash-Sharif Yusuf Al-Husaini, kedua-duanya masuk mazhab Al-Batiniyyah, kemudian keduanya keluar dan mengarang kitab bagi memberi ingatan dan amaran kepada kaum Muslimin, dan berjaga-jaga dari tipu-helah puak itu, dan pengarang Ad-Dailami juga telah menukilkan dari kitab "Al-Husaamul Battaaru Fir Raddi 'Ala Qaraamitatil Kuffaar" karangan Al-Faqih Hamid Al-Mahalli Al-Yamaani yang mati tahun 658 Hijrah.

Kesimpulannya: Kitab Ad-Dailami itu adalah mustahak pada menambah penyelidikan darihal puak Al-Batiniyyah yang jahat bagi mengingatkan kaum Muslimin dari bencana mereka, banyak sangat cawangan puak Al-Batiniyyah itu sepanjang masa Islam, dalam negeri Islam dengan memakai berbagai-bagai nama dan gelaran padahal bendanya satu, seperti nama "Huruufiatul Batiniyyah" mengikut Fadhlullahi Astara Ibaazi yang dibunuh pada zaman Timur Lank.

WALLAHUAKLAM.
(Bersambung)

Ilmu pengetahuan penting bagi memajukan negara

BANDAR SERI BEGAWAN.

Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz berkata ilmu pengetahuan adalah penting bagi sesuatu bangsa dalam usaha mereka memajukan negara masing-masing.

Menurutnya, hasil dari kesedaran dan pentingnya ilmu pengetahuan itu beberapa negara yang dahulunya mundur kini telah mencapai kemajuan dalam bidang sains dan teknologi bahkan berjaya menandingi negara-negara yang lebih maju termasuklah dalam hal ini Negara Brunei Darussalam sendiri.

Kejayaan-kejayaan seperti itu, katanya, patut dibaca dan diketahui oleh pelajar-pelajar di negara ini untuk menjadi dorongan semangat dan inspirasi mereka.

Timbalan Kadi Besar itu

Oleh Abd. Karim HAB

menegaskan demikian ketika berucap merasmikan Seminar bagi Penuntut-penuntut Sekolah Menengah Untuk Persiapan Memasuki Universiti anjuran Sekolah Nusa Laila Puteri di Dewan Kuliah Bangunan Peringatan Churchill pada Ahad lepas.

Mengenai konsep mengejar ilmu pengetahuan ini, tambahnya, ugama Islam lebih awal menjelaskan pendiriannya sebelum tamadun-tamadun lain sebagaimana terdapat di dalam ayat-ayat Quran dan hadis yang merupakan landasan umat Islam untuk mencari ilmu sebanyak-banyaknya.

"Tetapi dalam pada itu, selaku orang Islam, dasar ilmu yang terpenting ialah takwa kepada Allah Taala.

Jangan bila sudah jadi saintis kita fikir ilmu sains itulah kuasa yang lebih hebat dari kuasa Allah Taala. Kita lalu sombong, mula cuba mencabar Quran, mencabar hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dan mencabar ulama-ulama," tegas Yang Dimuliakan Pehin.

Seterusnya tetamu kehormat itu menjelaskan bagaimana Allah Taala mencabar jemaah jin dan manusia meneroka angkasa lepas sebagaimana ayat Quran yang tafsirnya: "Wahai jemaah jin dan manusia! Kalau kamu mahu menembusi angkasa lepas gilakan boleh sahaja, tetapi dengan satu syarat iaitu dengan ilmu pengetahuan".

Menurut Yang Dimuliakan Pehin, ayat ini tidak menghususkan kepada umat Islam tetapi siapa sahaja dari jemaah jin dan manusia sama



YANG Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Juned selaku tetamu kehormat sedang menyampaikan ucapan perasmian — gambar oleh Haji Sharbini Taiba.

ada kafir ataupun Islam. Mereka boleh menguasai angkasa jika mereka memiliki ilmu pengetahuan.

"Sekarang orang Islam kerana lemah ekonomi dan masih kurang ilmu pengetahuan maka kenalah kita menyaksikan sahaja orang lain ke angkasa dan ke bulan," tegasnya lagi.

Menurutnya, semua itu

menjadi iktibar kepada kita orang Islam dan menjadi pengajaran kepada penuntut-penuntut Islam supaya terus mendapat ilmu pengetahuan itu.

Tiga buah ceramah yang berkisar mengenai persiapan, masalah dan sistem pembelajaran di universiti telah disampaikan oleh tiga penceramah undangan.

Mereka terdiri dari Dr. Murni bin Osman, Timbalan Pengarah Pertanian, Kementerian Pembangunan; Awang Damit bin Ibrahim, Pemangku Ketua Bahagian Perangkaan, Kajian dan Penilaian, Jabatan Pelajaran dan Dr. Anicia A. Alvarez, Dekan Pusat Penyelidikan Universiti, Western Mindanao State University.

SALING BERKERJASAMA

SEMANGAT saling berkerjasama memang telah lama wujud dalam lingkungan budaya bangsa kita. Semangat ini bukan saja tercermin dalam upacara suka dan duka malah dalam hal-hal yang mendatangkan kebajikan. Dalam upacara perkahwinan sebagai misal, bangsa kita akan pergi memucang-mucang seterusnya bermuafakat bersama demi kelancaran upacara tersebut, baik sebelumnya atau sesudahnya. Dalam hal kematian pula, bangsa kita juga mudah menunjukkan semangat saling berkerjasama ini dengan cara memperlihatkan sifat keterlibatan masing-masing individu dalam menyempurnakan kedudukan tersebut seperti bagi mereka yang mahir bertukang kayu tanpa diarah, ia dengan sendirinya akan melakukan apa yang mustahak untuk keperluan tersebut.

Sifat kerjasama ini juga mencerminkan kesepaduan bangsa kita dalam memecahkan pelbagai masalah kerana dengan adanya sifat kerjasama ini kerja yang berat menjadi ringan, masalah yang banyak menjadi sedikit. Betullah kata pepatah, "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing."

BERSATU PADU

Perpaduan sesuatu masyarakat itu terjelma dari sifat kerjasama yang ditunjukkan oleh pelbagai individu dalam anggota masyarakat tersebut. Perpaduan tidak akan wujud kalau masyarakat tersebut masih lagi mempunyai pelbagai rintangan terutama rintangan-rintangan saling berkerjasama. Bangsa yang bersatu padu tak dapat lari dari mengamalkan sifat saling berkerjasama ini.

Perpaduan tidak akan terpantul kalau anggota masyarakat berpecah belah, tidak memperlihatkan sifat saling bekerjasama, dan hidup nafsu-nafsi. Aku, akulah, kau kaulah! Kemantapan suatu bangsa sebahagian besarnya terletak pada perpaduan yang bertunjang kepada saling bekerjasama, saling tolong menolong, dalam ertikata semangat kekitaan tertanam dalam sanubari bangsa itu.

Semangat perpaduan ini amatlah mustahak seperti yang dititahkan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah perutusan menyambut tahun baru 1985 yang antaranya, "Disamping itu kita juga ingin menekankan sekali lagi peri mustahaknya bagi rakyat dan seluruh penduduk Negara Brunei Darussalam ini untuk hidup bersatu padu di dalam keadaan yang bersefahaman dan saling berkerjasama dan akan senantiasa berwaspada terhadap apa jua anasir yang cuba untuk mengancam keamanan dan merosakkan kedaulatan negara kita yang tercinta ini."

IDENTITI BANGSA

Sikap saling berkerjasama dan bersatu padu dalam mengukuhkan suatu perkara berkebakikan ini tertanam dalam konsep gotong-royong. Gotong-royong adalah satu konsep yang seakan-akan melekat pada identiti bangsa Brunei. Kerana apa?

Konsep gotong-royong ini kita amalkan sejak dari dahulu hinggalah dewasa ini, dan seperti yang diterangkan di awal rencana tadi bahawa bangsa kita tak dapat lari dari saling berkerjasama serta bersatu padu kerana hubungan kait nalar ini ada terjelma dalam konsep gotong-royong itu.

Tanpa mengkaitkan gotong-royong kepada Bangsa Brunei adalah merupakan

suatu keganjilan kerana konsep inilah yang menempatkan salah satu ciri identiti bangsa Brunei di samping pegangan kekuatan beragama. Tidak ada sesiapa pun yang meragukan keberhasilan bangsa kita, bangsa Brunei yang berwibawa, dalam mengamalkan konsep gotong-royong ini.

KEGIATAN KEBAJIKAN

Gotong-royong ini jelas apabila setiap tahun atau bersempena dengan suatu acara, penduduk kampung ataupun persatuan-persatuan belia dan jabatan-jabatan kerajaan atau pihak swasta menganjurkan pelbagai kegiatan yang menekankan sifat gotong-royong itu. Kegiatan kebajikan itu dapatlah kita senaraikan seperti membersihkan perkuburan orang-orang Islam, membersihkan pekarangan masjid-masjid, membersihkan kawasan-kawasan awam seperti jalan-jalan dan sebagainya.

Membersihkan perkuburan orang-orang Islam selalunya diadakan apabila bulan Ramadan hampir tiba atau sewaktu kita sedang menjalani ibadah puasa, begitulah jua halnya kegiatan membersihkan pekarangan masjid-masjid. Gotong-royong dalam mengerjakan hal-hal seumpama ini sama ada dilakukan dengan kesepakatan penduduk kampung mahupun kesepakatan dari persatuan-persatuan belia di kampung berkenaan, ataupun dikedalikan oleh badan-badan kebajikan suatu jabatan.

Membersihkan kawasan-kawasan awam seperti pembersihan jalan sepanjang Jalan Gadong, serta kempen gotong-royong pembersihan kawasan bandar selalunya dianjurkan oleh badan-badan sukarela baik yang dianggotai oleh belia-belie, mahupun oleh pengangkap, ataupun pandu puteri. Apapun sifatnya kegiatan ini, semuanya berasaskan kepada konsep gotong-royong tersebut kerana kerja-kerja itu dilakukan secara beramai-ramai, secara sukarela dan saling sama-sama merasa berkepentingan.

GOTONG-ROYONG

Tingkah laku tolong menolong, bekerjasama, rasa kekeluargaan atau semangat kekitaan, mengutamakan kepentingan masyarakat dari

Oleh Mohd Salleh bin Abdul Latif

GOTONG ROYONG MEMBUDAYAKAH DALAM MASYARAKAT KITA

kepentingan perseorangan mendasari konsep gotong-royong itu. Tingkah laku yang di atas ini adalah bertentangan dengan sikap acuh tak acuh, mementingkan diri sendiri, mahu menang sendiri dan sebagainya memang banyak tercermin dalam masyarakat yang individualistik. Tetapi bangsa Brunei bukan gabungan masyarakat individualistik, kita masih lagi kekal dan tetap akan kekal sebagai bangsa yang bersatu padu selaras dengan titah Kebawah DYMM Baginda Sultan sempena menyambut ulang-tahun pertama Hari Kebangsaan di Stadium Negara pada 23 Februari 1985 yang antara lain menitahkan, "Perpaduan dalam ertikata yang sebenarnya akan dapat menjamin perkembangan dan kemajuan sesebuah negara itu. Oleh itu adalah mustahak bagi seluruh rakyat dan penduduk negara ini supaya hidup bersatu padu di dalam keadaan yang bersefahaman, saling bekerjasama dan hormat-menghormati di antara satu dengan yang lain."

Memang, konsep gotong-royong itu mencerminkan keadaan yang bersefahaman, saling bekerjasama dan saling hormat-menghormati. Dengan mengamalkan semangat gotong-royong ini juga individu-individu yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan bergotong-royong itu dapat kenal mengenal antara satu dengan yang lain, dan seterusnya memupuk persefahaman, kasih mengasihi dan menjalinkan semangat sama-sama berkepentingan. Apabila seseorang itu merasa 'committed' terhadap sesuatu perkara tentunya ia menginginkan sesuatu yang baik, yang sempurna demi kebahagiaan bersama. Dengan sendirinya naluri naluri positif akan timbul kerana masing-masing merasa diikat oleh 'ringan sama dijinjing, berat sama dipikul'.

Kemajuan tidak akan tercapai kalau tidak ada sifat saling bekerjasama kerana menurut titah di Majlis Kesukuan Hari Keputeraan ke-50, anjuran Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara pada 20 Oktober 1966 Kebawah DYT M Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifud-



SEMANGAT bergotong-royong memang sentiasa ada dalam sanubari bangsa Brunei dalam kerja-kerja berkebakikan seperti membersihkan jalan-jalan dan kawasan bandar.

dien Sa'adul Khairi Waddien antara lain bertitah, "Sesuatu kemajuan yang berkebakikan, yang akan meninggalkan kesan baik, adalah kejayaannya bergantung kepada laila usaha bersama. Jika atau tiap-tiap tenaga dari laila yang suci dan ikhlas laila jujur dan dengan berpanduan ajaran ajaran yang sihat yang diredai oleh Allah s.w.t., insya Allah akan mencapai nikmat dari hasilnya laila usaha yang berfeadah kepada negeri yang mengandungi isi di dalamnya."

Bagi keberhasilan kerja-kerja, atau gotong-royong itu haruslah didukung oleh perasaan yang ikhlas, jujur semata-mata jua untuk kepentingan bersama, selain bertawakal kepada Allah s.w.t. jua.

KEGIATAN BERMUSIM

Semangat bergotong-royong memanglah suatu konsep yang begitu baik untuk diamalkan tetapi memadaikah masyarakat kita mempertunjukkan semangat-kegiatan yang semacam bermusim. Kegiatan ini hanya akan nampak apabila sebuah persatuan belia, kumpulan penduduk kampung sama-sama mengerjakan suatu amal kebajikan seperti membersihkan pekarangan perkuburan di waktu dekat bulan Ramadan atau bersempena dengan suatu acara. Apakah di kalangan

SEMANGAT bergotong-royong suatu konsep yang seakan-akan melekat pada identiti bangsa Brunei di samping pegangan kekuatan beragama - Ini tidak diragukan keberhasilannya kerana kita adalah bangsa yang berwibawa dalam mengamalkannya.

persatuan belia atau penduduk kampung itu sebagai misal tidak mempunyai pemikiran agar semangat serupa ini — gotong-royong — dijadikan sebagai suatu kegiatan yang berencana, yang teratur serta berdisiplin dengan kiraan bahawa segala matlamat yang dituju itu akan tercapai di samping menghindarkan kebajikan yang hendak dilaksanakan itu bersifat duplikasi.

Apa yang kita nampak, bahawa kegiatan bergotong-royong ini semacam suatu tradisi dilakukan hanya secara bermusim, mengambil sempena-sempena dan sebagainya. Alangkah baiknya diadakan suatu program berencana yang bersifat kolektif dengan pemikiran bahawa kerja-kerja kebajikan dapat dilaksanakan dengan sempurna.

PROGRAM BERENCANA

Program berencana yang didasarkan kepada konsep gotong-royong ini lebih menampakkan sifat perpaduan di kalangan semua penduduk, di kalangan semua persatuan belia-belie kerana bersegeraan tindakan itu ada. Kita tidak mahu dengar bahawa persatuan A pada minggu ini membersihkan perkuburan Z, dan minggu depan pula kumpulan penduduk B membersihkan perkuburan yang sama, dan anihnya kerja-kerja gotong-

royong ini dilakukan pada waktu-waktu yang berham-piran. Hal serupa ini dapat dielakkan dengan adanya program berencana yang pada pemikiran kita boleh disalurkan melalui pelbagai cara agar kerja-kerja itu tidak bersifat duplikasi kerana kerja yang serupa ini hanya membosankan tenaga, pembuangan waktu yang sia-sia walhal tujuan asal gotong-royong itu adalah baik. Gotong-royong itu tidak bererti apa-apa, jadi sama ia seperti hanya sekadar untuk gotong-royong saja. Gotong-royong sekadar gotong-royong, aduh, matlamatnya hanya sampai kemana!

KESIMPULAN

Yang mendasari tingkah laku masyarakat yang bergotong-royong itu ialah lingkungan masyarakat, adat-istiadat, nilai-nilai luhur, norma-norma susila serta anjuran ugama yang dipegangnya.

Syukurlah bangsa kita, bangsa Brunei yang berwibawa ini mempunyai ciri-ciri tersendiri dalam hal ini yang secara tidak langsung menanamkan benih semangat gotong-royong itu dari dahulu hingga sekarang.

Dengan kesimpulan itu, saya kembalikan tajuk rencana ini untuk renungan pembaca semua - gotong-royong, membudayakah dalam masyarakat kita!



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolqiah menyampaikan Oskar Bintang Remaja kepada Dk Sahanisah. — Gambar oleh Harun Rashid.

KADAR ZAKAT FITRAH TIDAK BERUBAH

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kadar bayaran zakat fitrah bagi tahun Hijrah 1405 bersamaan dengan tahun Masihi 1985 yang patut dikeluarkan oleh tiap-tiap orang Islam di

negara ini adalah tidak berubah iaitu seperti tahun-tahun yang lalu.

Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin dalam Surat Keliling MUIB yang dikeluarkan baru-baru ini menyatakan bahawa kadar zakat fitrah bagi seorang Islam ialah \$1.87½ bagi orang-orang yang tinggal di Daerah Brunei; \$1.905/8 bagi kawasan Muara dan Daerah Tutong; manakala bagi kawasan Seria, Belait dan Daerah Temburong ialah sebanyak \$1.93¼.

Yang Dipertua Majlis Ugama Islam itu menjelaskan bahawa menurut Mazhab Shafiee, zakat fitrah hanya sah dikeluarkan daripada makanan yang biasa dimakan pada sesebuah negara itu.

Oleh kerana makanan yang biasa dimakan di negara ini ialah beras maka zakat fitrah adalah sah dikeluarkan dengan beras. Zakat fitrah menurut timbangan di negara ini ialah 3 kati 12 tahlil bagi tiap-tiap seorang Islam.

Oleh kerana harga beras yang biasa dimakan di negara ini ditetapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan harga \$3.00 segantang bagi Daerah Brunei; \$3.05 segantang bagi kawasan Muara dan Daerah Tutong dan \$3.10 bagi Daerah Belait dan Temburong maka nilai harga bagi 3 kati 12 tahlil di Daerah Brunei ialah \$1.87½; Daerah Tutong dan kawasan Muara \$1.90 5/8 dan Daerah Belait dan Temburong \$1.93¼.

Menurut Yang Dimuliakan Pehin lagi, zakat fitrah bagi tiap-tiap seorang Islam di negara ini adalah sah dikeluarkan menurut salah satu cara sama ada mengeluarkan beras sebanyak 3 kati 12 tahlil atau boleh bertaklid (mengikut) Mazhab Hanafi dengan mengeluarkan nilai harga beras 3 kati 12 tahlil.

Katanya, zakat fitrah wajib dikeluarkan mulai Hari Raya Aidil Fitri hingga Imam mendirikan Sembahyang Hari Raya. Dalam pada itu adalah harus zakat fitrah itu dikeluarkan sebelum waktu tersebut iaitu dari awal bulan Ramadan (puasa).



YANG Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim ketika menerima pingat "The First Class of The Order of Rising Sun", dari Duta Besar Jepun TYT Tomoya Kawamura. — Gambar oleh Harun Rashid.

Menerima anugerah pingat

PULAU. — Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, bekas Menteri Besar Negara Brunei Darussalam, telah dianugerahkan pingat "The First Class of The Order of Rising Sun", oleh Maharaja Hirohito bersempena dengan Hari Keputeraan Baginda yang ke-84 tahun.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof, 62 tahun, adalah berpendidikan Melayu, Inggeris dan Jepun. Pada akhir tahun 1939 mengikuti Kursus Perguruan di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Malaya (sekarang Malaysia). Dalam tahun 1943, Yang Amat Mulia mengikuti kursus Bahasa Jepun di International School Kokusai Gakuyukai, Tokyo dan dalam tahun 1944 memasuki Universiti Hiroshima Bunrika Daigaku, Jepun.

Dalam tahun 1945 pula berkesempatan mengikuti kursus setahun di South Devon Technical College, Torquay, Devonshire, England. Semasa dalam tahun 1961, Yang Amat Mulia menerima ijazah kehormat Doktor Undang-Undang dari International Academy Vancouver, Canada.

Sebelum bersara Yang Amat Mulia pernah dilantik sebagai Pegawai Penerangan pada tahun 1957. Yang Amat Mulia juga pernah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan dan merangkap Pengarah Penyiaran dan Penerangan. Pada awal tahun 1967 Yang Amat Mulia dilantik sebagai Menteri Besar sehingga bersara dalam tahun 1972.

Dk Sahanisah muncul juarai Bintang Remaja

BANDAR SERI BEGAWAN.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolqiah telah berkenan berangkat menyaksikan pertandingan Bintang Remaja 1985 pada hari Ahad 19 Mei lepas di sini.

Yang Teramat Mulia berangkat dan seterusnya telah berkenan menyempatkan hadiah-hadiah kepada para pemenang di pertandingan akhir Bintang Remaja 1985 yang berlangsung di Dewan Raya Radio dan Televisyen Brunei.

Pertandingan yang disiarkan secara langsung melalui radio dan televisyen di negara ini ditaja oleh Hong Kong and Shanghai Banking Corporation.

Seramai 10 orang peserta bertanding bagi merebut juara Bintang Remaja 1985. Mereka itu adalah para peserta dari tiga buah daerah yang

Oleh Johari H.A. Latif

telah terpilih memasuki peringkat akhir pertandingan tersebut.

Pertandingan kali ketiga dianjurkan oleh Jabatan Radio dan Televisyen Brunei dijuarai oleh Dk. Sahanisah bte Pg. Metali dari Daerah Brunei dan Muara dengan memperolehi 94 markah. Di samping menerima oskar rebutan peserta itu juga telah menerima wang tunai sebanyak \$1,500.00.

Tempat kedua dimenangi oleh peserta dari Daerah Belait, Norashikin Ramli dengan mendapat markah sebanyak 93%. Norashikin menerima sebuah hadiah dan wang tunai berjumlah \$1,000.00. Pemenang ketiga jatuh kepada Dk. Monira Pg. Mohiddin dari Daerah Brunei

dan Muara dengan memperolehi 91 markah. Dk. Monira menerima hadiah dan wang tunai sebanyak \$750.

Terdahulu dari itu pertandingan akhir Bintang Remaja 1985 telah diserikan dengan persembahan nyanyian oleh bintang undangan dari Indonesia, Adi Bing Slamet.

Berangkat sama di majlis tersebut ialah YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolqiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Majeedah Nuurul Bolqiah dan kerabat kerabat Diraja.

Turut hadir termasuk Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya, Pengarah Radio dan Televisyen, Yang Berbahagia Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani dan jemputan-jemputan khas. — JOE.



SEBAHAGIAN dari peserta yang menghadiri seminar sehari itu.

Lebih 450 hadiri seminar

GADONG. — Lebih 450 orang pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Ukur di negara ini telah menghadiri seminar pada 16 dan 18 Mei lepas bertempat di Dewan Seminar Jabatan Kerja Raya Gadong.

Seminar sehari anjuran jabatan itu merupakan yang julung-julung kali diadakan ke arah memahamkan etika

Oleh Johari HAL

kerja dan meningkatkan lagi prestasi kerja di kalangan mereka.

Antara lain tujuan seminar tersebut adalah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara pegawai-pegawai dan kakitangan di

dalam pejabat dengan bahagian luar pejabat.

Di samping itu ianya juga dianjurkan untuk memberi fahaman yang lebih mendalam lagi kepada para pegawai dan kakitangan jabatan itu terhadap fungsi, struktur, polisi dan tugas-tugas jabatan berkenaan yang semakin berkembang dari masa-kesemasa.

Bagi menerangkan kepada mereka tentang objektif pengurusan dan untuk membincangkan dan merumuskan bersama terhadap keputusan-keputusan yang dibuat oleh tiap-tiap bahagian dalam mesyuarat masing-masing mengenai teknik-teknik kerja yang patut diamalkan, berfaedah dan berkebaikan.

Dalam pada itu seminar sehari ini juga telah menumpukan beberapa persoalan dan masalah di kalangan kakitangan jabatan itu sendiri di samping dialog di antara mereka.

Terdahulu dari itu seminar selama sehari itu telah dibuka rasmi oleh Juruukur Agung Haji Mohd Yunus bin Haji Mohd Noh. — JOE.

Bhg. Drama pelawa calon seni lakon

BANDAR SERI BEGAWAN.

Bahagian Drama Televisyen, Radio Televisyen Brunei mempelawa kepada peminat-peminat Seni Lakon untuk memegang watak sebagai AYAH, IBU dan KANAK-KANAK.

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai perwatakan dan suara yang baik yang berumur tidak kurang dari 35 tahun ke atas bagi watak AYAH, 30 tahun ke atas bagi watak IBU dan dari

9 hingga 12 tahun sama ada lelaki atau perempuan bagi watak KANAK-KANAK.

Satu ujian pemilihan dijangka akan dijalankan pada satu tarikh dan waktu yang akan ditetapkan kemudian.

Borang-borang bolehlah diperolehi dari sekarang di Bahagian Drama Televisyen, tingkat 3 atau Penyambut Tetamu Radio Televisyen Brunei dan hendaklah dihantar di alamat yang sama tidak lewat daripada 13 Julai 1985.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

SELAMAT BERPUASA

SECARA kebetulan Radio Minggu Ini keluarannya kembali ke halua pendengar iaitu ketika umat Islam di negara ini dan amnya kaum Muslimin dan Muslimat di dunia baru pun menyambut kedatangan bulan Ramadan iaitu satu bulan yang penuh berkat dan cabaran.

Dengan niat makan sahur beberapa hari yang lalu dan dengan beduk berbuka puasa maka sudah barang tentunya puasa kita telah diterima Allah. Bertepatan pada hari baik bulan baik ini kami Bahagian Melayu Radio Brunei semua jentera pengerak dengan rasa ikhlas mengucapkan selamat berpuasa

kepada Muslimin dan Muslimat di Negara Brunei Darussalam. Dengan kerjasama JHEU Negara Brunei Darussalam seperti juga pada tahun-tahun kebelakangan atau pada kebiasaan orang-orang radio yang bertugas siang dan malam untuk menyempurnakan beberapa pengumuman; malah setiap hari di bulan puasa ini akan menyiarkan waktu berbuka puasa bunyi beduk dan waktu sembahyang serta imsak.

Pada bulan puasa ini bukanlah ertinya kesemua rancangan-rancangan radio akan turut berpuasa dan terbuka; malah rancangan radio tetap keudara apa lagi rancangan yang bercorak agama akan sentiasa hangat diperbincangkan akan halal dan haramnya serta batal dan tidak sentiasa dipersoalkan

oleh orang-orang yang berkenaan. Tentu sekali juruhebah-juruhebah atau para penerbit yang bertugas sentiasa menyuarakan atau bertekak dengan berbagai ucapan dan ajaran dalam mana menghambakan kita bukan saja pandai menyampaikan atau menerbitkan rancangan malah mereka orang yang serba tahu dalam hal-hal penyiaran radio, malah mereka inilah akan memutarakan beberapa sedutan ucapan yang beraneka ragam mereka ketengahkan pada musim-musim puasa ini, mereka tidak lagi pergi ke kantin membasahi tekak — tapi di bulan yang penuh berkat ini akan sentiasa khusyuk pada tugas-tugas mereka dan terpaksa berpuasa setakat membasahi tekak di dalam Studio atau di

bilik-bilik rakaman.

Dan akhirnya semogalah para pendengar akan sentiasa mengikuti segi rancangan-rancangan kami dan menjelang anak Ramadan menjengukkan wajahnya di kaki langit pada kebiasaannya JHEU Negara Brunei Darussalam sudah tentunya mengadakan beberapa ceramah dan syarahan mengenai puasa dan orang-orang yang berpuasa menerusi radio dan sudah tentulah ceramah dan syarahan serupa itu dapat diikuti dan dapat menolong umat sekalian dalam mengerjakan ibadah puasa dengan lebih sempurna dan segala kesempurnaan itu sangat-sangat diharapkan dalam mengerjakan perintah Allah kerana puasa adalah salah satu dari Rukun Islam yang lima.



Tetamu Radio

TETAMU RADIO minggu ini ialah seorang artis da'am bidang seni lukis yang memang popular dalam rancangan siaran Televisyen Republik Indonesia, di samping menjadi guru lukis bagi rancangan kanak-kanak TVRI. Beliau ialah Bapak TINO SIDIN (kiri). Temuramah Haji Abdul Manap Haji Adam bersama beliau akan disiarkan pada hari Ahad 26 Mei jam 4.30 petang. Ulangannya akan ke udara pada hari Rabu jam 2.00 petang.



MUZIKA TANAH AIR menampilkan persembahan persembahan lagu Melayu Brunei, yang diwarisi sejak zaman nenek moyang kita lagi, fungsinya bagi majlis-majlis keramaian seperti majlis perkahwinan, berpindah rumah dan sebagainya. Rancangan ini menghasratkan pendedahan lagu-lagu tradisi ini ke pengetahuan generasi baru. Rancangan Muzika Tanah Air akan ke udara dua minggu sekali tiap hari Jumaat jam 9.30 pagi.

Gambar menunjukkan di antara artis undangan yang terdiri dari kaum ibu dari Kampong Burung Pingai Ayer yang merakamkan lagu-lagu Dondang. Rancangan diterbitkan oleh Jamilah Abdullah.



PESERTA yang mengisi rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar keluaran hari Selasa 28 Mei, 1985 jam 4.00 petang ialah peserta yang beralamat di Jabatan Peretakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Iaitu Dayang Rokiah Md Salleh (gambar atas.)

Rancangan TVP cuti persekolahan bulan Puasa

ISNIN 27 MEI

PAGI

9.03 THE EASY WAY (Rancangan Pertama)

Dalam rancangan pertama siri ini, kita akan bersama-sama mempelajari pelajaran "Good Morning" dan "Good Afternoon". Selain dari itu, kita juga akan mempelajari beberapa perkara baru, angka-angka 1, 2 dan 3 serta sebuah lagu baru. Di "Children's Corner" pula kita akan dapat menyaksikan beberapa buah lukisan.

9.28 THE ART CHEST (Face Decorations)

Sekali lagi kita akan bersama-sama dengan Dan Mihuta untuk menyaksikan beliau membuat topeng (Mask).

Beliau membuat topeng atau menghias muka dengan menggunakan kertas hitam yang direka dalam bentuk hidung, telinga, mata, misai, janggut dan lain-lain.

9.42 ALAM PERMAI (Diri Saya)

Dalam rancangan ini murid-murid dapat melihat bagaimana cara kehidupan sehari-hari kanak-kanak dalam satu keluarga. Seperti pergaulan hidup bersama ayah, ibu, abang, kakak, adik dan sebagainya.

10.04 THE SONG BAG (This Old Man)

Sekali lagi kita bersama Tony Saletan untuk menyanyi bersama adik-adik.

Lagu seperti ini boleh juga kita dapati di dalam buku "Song Book For Brunei Children" di mana adik-adik akan dapat mengenali dan mendengar bahawa perkataan-perkataan dalam lagu ini berakhir dengan bunyi yang sama.

10.18 ONCE UPON A TIME (The Lion and The Mouse)

Suatu hari tikus ternampak singa sedang tidur. Ia mendekati singa itu. Ekornya terkena misai singa menyebabkan singa terbangun. Dengan marah singa menangkap tikus dan hendak membunuhnya. Tikus minta dilepaskan dan berjanji akan menolong singa jika singa mendapat kesusahan.

Mahukah singa melepaskan tikus dan betulkah tikus boleh menolong singa? Ikuti kisah selanjutnya.

SELASA 28 MEI

PAGI

9.03 THE EASY WAY (Rancangan Kedua)

Dalam rancangan kali ini, kita akan dapat mengikuti pelajaran "Good-bye" dan "Thank

You" serta beberapa perkataan baru dan angka-angka 5, 6 dan 7. Sebuah cerita serta sebuah lagu akan dapat kita ikuti bersama-sama di "playground". Selain dari itu, beberapa kerajinan akan dapat disaksikan di "Children's Corner".

9.27 THE ART CHEST (Paper Tearing)

Dengan menggunakan kertas yang dikoyak dan digunting. Dan Mihuta akan menunjukkan kepada adik-adik cara membuat 'design' untuk dijadikan pemandangan, binatang dan lain-lain. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut silalah adik-adik mengikutinya nanti.

9.41 ALAM PERMAI (Rumah)

Murid-murid tentu tahu apa yang dikatakan rumah. Mengenalkan murid-murid bahawa rumah ialah tempat kita berlindung daripada hujan dan panas. Tempat kita tidur, berihat, diam dan sebagainya. Dan juga mengenalkan murid-murid berbagai-bagai jenis bentuk rumah.

9.04 THE SONG BAG (Little Seed)

Lagu yang akan kita ikuti kali ini bertujuan untuk memperkenankan adik-adik bagaimana menanam biji — 'Little Seed'.

Untuk mengetahui lebih dekat lagi, ikutilah rancangan ini nanti.

10.18 ONCE UPON A TIME (The Dog and The Shadow)

Cerita kali ini mengisahkan seekor anjing yang sedang kelaparan terjumpa seketul tulang, kerana takut dilihat oleh anjing-anjing lain, tulang itu digonggongnya dan dibawa pergi. Kemudian anjing tersebut sampai ke sebuah titi. Bila ia memandang ke air dari atas titi itu ia nampak ada seekor anjing sedang menggonggong tulang. Apalagi, timbulah perasaan tamaknya hendak merebut tulang itu.

Untuk mengetahui kisah selanjutnya silalah adik-adik ikuti rancangan ini.

RABU 29 MEI

PAGI

9.03 THE EASY WAY (Rancangan Ketiga)

9.29 THE ART CHEST (Like Van Gogh)

9.43 ALAM PERMAI (Keperluan Harian)

10.06 THE SONG BAG (Punchinello)

10.20 ONCE UPON A TIME (S'ow and Steady Wins The Race)

Masalah keluarga dalam sandiwara radio

MASALAH kekeluargaan menjadi isu utama dalam sandiwara yang berjudul "KEPULANGAN" tulisan Magdalena, Negara Brunei Darussalam.

Hamid, sebagai seorang ayah dan suami gagal untuk memenuhi tanggungjawabnya kerana dalam masa yang sama, ia menghabiskan masanya melayani Leha, seorang janda yang baru saja berpindah ke kampung mereka.

Milah, isteri Hamid lama kelamaan tidak dapat membendung perasaannya yang selama ini dipendamnya. Akhirnya dilepaskannya juga perasaannya itu pada suaminya. Malangnya, segala te-

guran Milah itu tidak membuahkan kejayaan, tapi sebaliknya Hamid tetap meneruskan perbuatan curangnya.

Segala kehendak Leha, semuanya dituruti. Mengeluarkan wang untuk membeli barang-barang kemas sudah tidak menjadi masalah bagi Hamid. Dia benar-benar lupa pada rumahtangganya. Hubungan mereka itu juga sudah sampai kepengetahuan Aziz anak tunggal Hamid dan Milah.

Lama kelamaan, Leha minta Hamid mengahwinnya secara sah. Hamid tidak dapat berbuat apa-apa melainkan menurut saja apa yang dikehendaki oleh Leha. Walaupun begitu, Milah tidak juga

diceritakan.

Semakin lama Hamid hidup bersama dengan Leha, semakin banyak permintaan Leha yang hendak dipenuhi. Sehingga satu hari Hamid mendapat kemalangan yang menyebabkan ia tidak mampu lagi untuk berjalan.

Kedua-dua itu membuatkan Leha bosan melayaninya. Dan di saat-saat itulah juga Leha menampakkan belangnya yang sebenar yang ia berkahwin dengan Hamid hanyalah semata-mata untuk mengejar kebendaan. Sebolehnya ia hendak melarikan dirinya dari terus bertanggungjawab terhadap suaminya yang sedang sakit.

Apakah tindakan Hamid terhadap sikap dan perubahan Leha itu? Untuk mengetahui kisah selanjutnya, silalah ikuti siarannya pada 26 Mei, 1985 jam 11.15 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Helen Thu.

Resipi: Masakan Sambal Ayam

BAHAN-BAHANNYA :—

1 ekor ayam
30 biji lada hidup
½ kati bawang besar
6 inci halia
6 batang serai
4 kati asam limau kesturi
10 biji bawang merah
6 biji bawang putih
sedikit belacan.

UNTUK PENUMISNYA :—
1 gelas minyak
4 biji bawang merah
4 sudu gula

garam secukup rasa.

CARA MEMBUATNYA :—
Ayam dipotong mengikut suka hati dan digoreng, bawang besar dipotong bulat, lada hidup, bawang merah, bawang putih halia, serai dan belacan digiling halus.

CARA MEMASAKNYA :—
Jerangkan kuali dan apabila panas tumiskan garam dan bawang merah, apabila kuning masukkan lada yang telah dikisar goreng hingga airnya kering, masukkan air asam bersama gula dan serbuk perasa kacau rata-rata, kemudian masukkan bawang besar kacaukan lagi, kemudian masukkan ayam dan kacaukan rata-rata hingga sebatil lepas itu angkat.

PEMBORONG BUMIPUTERA CAPAI REKOD KESELAMATAN

SATU perjumpaan diadakan baru-baru ini bagi meraikan pencapaian Mechnico Berhad, sebuah pemborong bumiputera kepada Shell Brunei, kerana berjaya memperoleh 500,000 jam masa bekerja tanpa sebarang kemalangan.

Pencapaian dalam keselamatan tersebut adalah hasil dari dasar keselamatan yang ketat dan terkawal dari pihak pengurusan syarikat itu. Mechnico Berhad juga kerap mengadakan mesyuarat keselamatan, yang dikelolakan oleh Pengarah Urusannya, Pehin Dato Paduka Awang Arif bin Mujun.

Mechnico Berhad telah melaksanakan beberapa kerja dengan EPS sejak awal tahun lepas. Kejayaan mereka itu menampakkan bahawa pihak pengurusan memainkan peranan yang penting dalam memberikan contoh mementingkan keselamatan.

Kebanyakan dari kerja dalam 500,000 jam itu terdiri dari pembebatan telagatela minyak di daratan dan

kerja melibatkan sistem pengangkutan baru 650 psi. Kedua-dua projek itu memerlukan pemborong mengendalikan kerja ke atas sistem hidrokarbon bertekanan tinggi, saluran paip yang terdapat sekarang

yang bukan selalu menurut mutu kehendak BSP yang terbaru.

Perjumpaan bagi meraikan kejayaan itu diadakan di bengkel kepunyaan Mechnico

di Seria. Ianya dihadiri oleh Pengurus Kejuruteraan BSP, Renny Snell dan EPS, Eoin Mackenzie, Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin OKSP Tudin dan Pegawai Tanah, Awang Hefnie Haji Abu Hanifah.



PENGARAH Urusan Mechnico Berhad, Pehin Dato Paduka Awg. Arif bin Mujun menyampaikan hadiah kepada salah seorang yang berjaya.

LANGKAH BAGI BASMI KARATAN

SYARIKAT Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad akan menggunakan sepenuhnya salutan 'intershield', satu bahan salutan tugas berat yang diper maju, bagi membasmikan karatan pada keluli di sekitar luar pantai.

Penggunaan itu adalah langkah bagi mempertingkatkan mutu salutan agar sebanding dengan ongkos pemasangan. Perakasaannya akan dijalankan oleh Merdeka Satu, menyeluruh kesemua besi waja pembinaan yang terkena tempian air laut di Pelantar Champion CPTQ-7.

Salah satu faedah dalam penggunaan intershield ialah penggunaan dua lapisan saha-

ja, yang memberikan perlindungan melalui berkurangnya masa mengecat, dibandingkan dengan sistem salutan yang digunakan oleh syarikat itu masa kini yang memerlukan salutan empat lapisan bahan campuran kimia.

Kadar karatan yang terdapat pada keluli di sekitar luar pantai amat tinggi, terutama di jeket-jeket yang terkena tempian air laut.



'MERDEKA SATU' melaksanakan pembinaan di Champion CPTQ-7.

Telaga percubaan digali

SEBUAH telaga percubaan yang ditemui di pertengahan tahun lepas kini sedang digali di struktur Iron-Duke. Ianya telah pun menjalani ujian pengeluaran pada kadar 5,000 tong minyak sehari, dari jenis ringan 36 darjah API dari takungan sedalam 8,300 kaki.

Struktur yang terletak kira-kira lapan batu ke barat padang Minyak Champion dan kira-kira 25 batu dari pantai Jerudong itu kini sedang menjalani penilaian lanjut.

Terima hadiah penghargaan

DUA orang pekerja SMR telah menerima hadiah sebagai penghargaan kepada

mereka kerana melaporkan keretakan yang terdapat di kemudi kapal Shell Tankers UK ketika ianya sedang berlabuh di pengkalan Lumut dalam bulan Februari lalu.

Awang Paya bin Chuchu dan Awang Bidin bin Bair menerima hadiah berupa sebuah contoh lonceng kapal pengangkut LNG Gardinia awal bulan ini, yang telah disampaikan oleh Wim Steenken, Pengarah Teknikal bagi pihak Shell Tankers UK, tuannya kapal tersebut.

Laporan awal itu juga sebagai satu usaha menghindari dari berlakunya satu kemalangan yang akan memberikan kesan yang buruk terhadap operasi-operasi perkapalan LNG.

Majlis penyampaian hadiah itu telah turut dihadiri sama oleh Arie van Haran, SM dan Bert van Malland, SMR.



AWANG Bidin menerima hadiah daripada Wim Steenken, Pengarah Teknikal kapal Shell Tankers UK.

Kakitangan Jabatan SSU ikuti kursus teknikal

SERAMAI 14 orang kakitangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perbekalan (SSU) telah menjalani kursus penerangan teknikal peralatan, yang berlangsung selama lima hari di Bilik Mesyuarat jabatan itu.

Ianya dihasratkan bagi menyediakan penerangan teknikal mengenai berbagai jenis peralatan industri petroleum dan kod kelengkapan peralatan Shell yang standard.

Peserta kursus juga telah diberikan kerja-kerja seperti

dalam bilik darjah dan lawatan ke keliling gudang dan yad.

Kursus tersebut juga telah dihadiri oleh kumpulan pertama dari 12 orang pekerja. Kumpulan ketiga yang mengandungi 12 orang pekerja yang terdiri dari para penganalisa simpanan, kerani memesan, penyelenggara stor, penghantar-penghantar dan pemeriksa-pemeriksa simpanan, pengawas gudang dan yad serta kerani-kerani penadbiran juga telah mengikutinya pada 13 Mei lalu.



Kursus suaikenal di Shell Brunei

SERAMAI 13 orang guru besar dari sekolah-sekolah rendah dan menengah di negara ini baru-baru ini telah mengikuti kursus suaikenal dengan Shell Brunei.

Kursus selama empat hari

itu antara lain mengandungi penerangan secara mendalam mengenai beberapa aspek yang berkaitan dengan syarikat.

Kursus suaikenal itu dian-

jurkan oleh Jabatan Hal-Ehwal Awam syarikat bagi pegawai-pegawai Kerajaan dan bertujuan bagi menambatkan pengetahuan mereka mengenai dengan industri minyak dan gas di negara ini.

CALON-CALON DIMINTA MENGAMBIL SIJIL

SUKACITA dimaklumkan bahawa masih lagi terdapat sijil-sijil peperiksaan yang dikendalikan di Lembaga Peperiksaan Jabatan Pelajaran yang belum diambil oleh calon-calon peperiksaan berkenaan.

Oleh yang demikian, adalah dipersilakan semua calon-calon yang belum mengambil sijil masing-masing supaya dapat datang ke Pejabat Lembaga Peperiksaan Jabatan Pelajaran pada hari-hari waktu bekerja biasa dengan seberapa segera yang boleh.

Mereka itu ialah: —

SPS — NOV/DEC 1981 (SPS 'A' MENGLAIT)

Sarbini BG PH UD		
KH Hj Junit	861/0599	
Abdul Rahman bin Yunus	0501	
Abd Samat bin Tarip	0503	
Abdullah bin Hj Mohiddin	0511	
Ali Bahar bin Hj Ali Akhbar	0516	
Ariffin bin Apang	0536	
Ak Samsudin bin Pg Hj Othman	0539	
Azahari bin Haji Apang	0547	
Ak Mohd Jaafar bin Pg Damit	0548	
Awg Sulaiman bin Ibrahim	0549	
Ismail bin Jalil	0552	
Jamaludin bin Haji Lajim	0558	
Jumat bin Hj Tuah	0570	
Kinoroh bin Eput/Siput	0576	
Sulaiman bin Ahmad	0606	
Suhaibon bin Hj Othman	0609	
Tahir/Matayer bin Haji Ahmad	0614	
Tong Kah Hwa	0616	
Ujan bin Md Yusof	0631	

SPS — NOV/DEC 1981 (SPS 'A' SMMM ALAM — SERIA)

Mohammed bin A Akup	862/0592	
Mohamad Noor bin Sulaiman	0582	
Hussin bin A. Tengah	0556	
Ahmad bin Burut	0551	
Masni bin Matzin	0518	
Masih bte Hj Marsal	0517	
Megok bte Ladi	0516	
Talipuddin bin Mahari	0623	
Sapiee bin Madani	0620	
Serudin bin Baha	0618	
Othman bin Ibrahim	0610	
Noror Gumiet bin Hj Noor	0607	
Maidin bin Abd Wahid/Wahit	0604	
Matarsat bin Jamil/Jumil	0600	
Matali bin Abu Bakar	0597	

SPS — NOV/DEC 1981 (SPS 'A' DELIMA SATU)

Ak Ghani bin Pg Tengah	863/0513	
Awang Tarip bin Hj Metassan	0514	
Awang Mokti bin Amit	0520	
Alifhassan bin Hj Abdul Rahman	0524	
Ak Md Daud bin Pg Haji Omar	0527	
Abdin/Abidin bin Bahar	0532	
Awang Ismail bin Masri	0554	
Awang Abd Majid bin Bakar	0556	
Abd Rahman bin Hj Metali	0565	
A Safar bin Hj Idris	0567	
Awg Anuar bin Osman	0574	
Hj Mahanin bin Hj Jaafar	0621	
Hadj bin Jais	0627	
Haji Zainal bin Yusof	0629	
Hashim bin Jaafar	0642	
Hj Ali Hassan bin Hj Ahmad	0645	
Hussin bin Awang Ibrahim	0646	
Hj Rajali bin Hj Bakir	0647	

SPS — NOV/DEC 1981 (SPS 'A' AMAR PAHLAWAN/MABOHAI)

Amp Rohani bte Amp Hj Yusof	864/0501	
Dy Sainah bte Haji Mohd Tahir	0503	
Hjh Kuntum bte Hj Amat	0505	
Hjjah Nor-Hayati bte Hj Ludin	0506	
Hjjah Zainun OKML		
Hj Md Yusof	0511	
Hjjah Kamsiah bte Sulaiman	0513	
Hjh Tiapnah bte Hj Metusin	0519	
Sadih bte Haji Hitam	0524	
Salbiah bte Haji Adanan	0526	
Siti Hasnah bte Hj Zulkifly	0528	
Salmah bte Ithnin	0531	

Dayang Miga binti Sadik	0015	
Dayang Fatimah bte Kadri	0016	
Fatimah bte Ahmad	0018	
Faimah bte Abd Hamid	0020	
Halimah bte Jali	0027	
Hajjah Aminah bte Siling	0030	
Halimah bte Haji Suhailee	0032	
Halipah bte Haji Simpol	0041	
Indun bte Hj Kahar	0046	
Janis bte Ali	0048	
Kayah bte Kassim	0059	
Kamariah bte Haji Mohamad	0061	
Kaishah bte Nayan	0063	
Mariam bte Mohamad	0066	
Minah/Habibah bte Daud	0069	
Mariam bte Taha	0074	
Mariani bte Hj Md Daud	0082	
Normah bte Momin	0084	
Noorsiah bte Haji Nudin	0089	
Normah bte Awg Latip/Latif	0093	
Norsiah bte Hj Ahmad	0096	
Nilam bte Haji Ibrahim	0099	
Puteh bte Burut	0104	
Pg Rosni bte Pg Ismail	0105	
Rosi bte Pish	0106	
Rosnah bte Abu Bakar	0107	
Rasiah bte Md Salleh	0108	
Rosni bte Ahmad	0109	
Rapih bte Hj Masri	0110	
Rokiah bte Othman	0111	
Radziah bte Talib	0113	
Ramni bte Seruji	0118	
Rohani bte Hj Awg Tengah	0124	
Sadih bte Hashim	0127	
Serbanun bte Hj Anak	0128	
Serbanun bte Pisi	0129	
Siti bte Hj Misir	0130	
Saipah bte Haji Tuah	0132	
Sariah bte Mahmud	0133	
Siti Nopsiah bte Mahmud	0134	
Saripah bte Hj Dagang	0135	
Siti Sarah bte Abd Hamid	0137	
Siti bte Yusof	0142	
Salamah bte Asamil	0144	
Siti Awan bte Tengah	0146	
Sitiara bte Yahya	0148	
Zaharah bte Jais	0154	
Zainah bte Hj Kalong	0155	
Zabidah bte Japar	0158	
Zainah bte Md Suod/Suhut	0159	

SPS 'O' 1980 (NOV/DEC)

Arpah bte Jaya	827/0001	
Asnah bte Mohamad	0006	
Alimah bte Hj Tudin	0009	
Armah bte Hj Abd Rasit/Rashid	0010	
Aminah bte Azahari	0012	
Aisah bte Abd Hamid	0018	
Dayang Maimun bte Ahmad	0020	
Dayang Norhani bte Aspar	0021	
Dayang Armah bte Amp Metahir	0024	
Dy Nisbah bte Munchit	0026	
Dk Rosnah bte Pg Haji Tengah	0028	
Dk Rupiah bte Pg Chuchu	0034	
Dk Rudiah bte Pg Hj Hashim	0038	
Dayang Tuah bte Talib	0047	
Dk Juata bte Pg Hj Damit	0051	
Dy Zainah bte Abdullah	0052	
Morni bin Md Yusof	0057	
Murni bin Abu Bakar/Santi	0059	
Mohamad bin Awg Abdul Rahman	0066	
Matussin bin Haji Awg Awg Damit	0070	
Mamud bin Mohamad Salleh	0071	
Md Yusof bin Ahmad	0073	
Masri bin Bulat	0077	
Md Nasir bin Samat/Samad	0084	
Md Jami bin Awg Hj Ismail	0085	
Metali bin Haji Kamis	0094	
Oseli bin Samidan	0102	
Pg Jamaluddin bin Pg Hj Kahar	0107	
Pungut bin Murang	0110	
Pg Hj Kamaruddin	0113	
Pg Hassan bin Pg Ahmad	0115	
Pengiran Metarshad Pg Metassan	0116	
Pg Metali bin Pg Hj Ahmad	0118	
Pg Hj Tuah bin Pg Apang	0119	
Raya bin Haji Tahir	0126	
Rosle bin Abd Hamid/Amit	0127	
Ramlj bin Haji Dagang	827/0128	
Sabtu bin Balan	0133	
Serudin bin Sitai	0135	
Suhaili bin Hj Md Daud	0137	
Suhaili bin Buntak	0142	
Salleh bin Haji Hashim	0143	
Tuah bin Dua	0147	
Tengah bin Hj Morshid	0152	
Zahari bin Hj Abd Hamid	0160	
Zakaria bin Haji Ahmad	0161	

SPS 'O' 1980 (NOV/DEC)

Alipah bte Md Noor	0001	
Asmah bte Abang Taha	0002	
Ahmidah bte Abdul Ghani	0003	
Aminah bte Md Ali	0004	

Dk Fatimah bte Pg Hj Kahar	0007	
Dk Zainab bte Pg Mat Japar	0011	
Dk Fatimah bte Pg Omar	0013	
Dayang bte Mohamed	0015	
Dayang Zaiton bte Jahiri	0016	
Dayang Zainab bte Bakar	0017	
Fatimah bte Mohamed	0019	
Hjh Siti Fatimah bte Haji Omar	0024	
Jamah bte Haji Sulaiman	0029	
Masnunah bte Hj Boihasan	0035	
Maznah bte Abg Taha	0036	
Maidiah bte Mahari	0037	
Mariam bte Hj Manudin/Manudin	0038	
Norhayati bte Hamdi	0042	
Norajiah bte Mohamad	0044	
Pg Sa'emah bte Pg Haji Damit	0047	
Rosni bte Haji A Tajuddin	0052	
Sanah bte Ali	0054	
Siti Ramat bte Aspal	0058	
Saidah bte Hj Abd Rahim	0059	
Sh Halimah bte Wan Abd Rahman	0060	
Simah/Selimin bte Keluloh	0061	
Shairah bte Abdullah	0062	
Siti Rahmat bin Hj Matussin	0064	
Zaleha bte Haji Mat Said	0070	
Tampoi bte Tengah	0071	
Zaliha bte Sahari	0072	
Zainun bte Abu Bakar	0074	
Awg Bakri bin Mat Said	0078	
Ahmad bin Ghani	0079	
Alias bin Awang Taha	0082	
Abd Rahman bin Haji Marsal	0091	
Ak Kasharan bin Pg Hamzah	0092	
Bahrin bin Abdullah	0096	
Hj Md Diah BOKPI	0105	
Hj Layeh	0109	
Ju'aithe bin Safar	0111	
Johari bin Suhut	0112	
Jumat bin Yaakub	0115	
Kifli/Kepi bin Taib	0118	
Ladin bin Kapal	0119	
Lipat bin Jundi	0122	
Md Yusof bin Haji Tengah	0123	
Murni bin Yusof	0124	
Mohamed Rais bin Mumin	0125	
Mahrup bin Md Yassin	0126	
Mohd Taufik bin Abbas	0126	
Mohammad Junani bin Lagong	828/0128	
Mohammad Seruji bin Mahari	0131	
Md Tahir bin Md Yusof	0134	
Pg Md Ali bin Pg Abd Rahman	0145	
Serbini bin Bidin	0158	
Sadim bin Madiman	0159	
Sa'di/Morsidi bin Dagang	0160	
Sulaiman bin Tahiruddin	0162	
Sanif bin Md Taib	0165	
Tamit bin Sidek	0168	
Zakaria bin Abdullah/Angsa	0174	

SPS 'O' 1981 (NOV/DEC)

Aini bte Ahmad	824/0013	
Dy Siti bte Omar	0021	
Dy Jaibis bte Hj Lahab	0025	
Dk Hjh Halimah bte Pg Hj Taha	0026	
Dy Tuah bte Talib	0033	
Dy Maisiti bte Abd Hamid	0036	
Dk Rosnah bte Pg Hj Hashim	0041	
Dy H Rosinah bte Hj Abd Hamid	0046	
Dayang Miga bte Sadik	0048	
Dk Maskaton bte Pg Han Momin	0051	
Dy Norahleah bte A Mantok	0053	
Dk Juata bte Pg Hj Damit	0055	
Dy Rosnah bte Ahmad	0067	
Dy Noriah bte Bolhassan	0068	
Dk Noraini bte Pg Hj Kahar	0071	
Dy Rokiah bte Abu Bakar	0073	
Fatimah bte Abd Hamid	0077	
Hajjah Rokiah bte Othman	0082	
Kaidah bte Haji Saban	0114	
Kayah bte Kassim	0115	
Lauiyah bte A Hitam	0118	
Mariam bte Taha	0122	
Mariam bte Timbang	0124	
Minah bte Osman	0132	
Masnah bte Haji Abd Wahab	0135	

SPS 'O' 1981 (NOV/DEC)

SM SMJA		
Norlinam bte Hj Yaakub	826/0001	
Norsiah bte Hj Ahmad	0003	
Noorsiah bte Hj Nudin	0004	
Normah bte Haji Duraman	0012	
Pungut bte Haji Ismail	0023	
Piah bte Haji Lamudin	0024	
PA Hadijah bte PM Omarali	0026	
Rosni bte Ahmad	0029	
Radziah bte Talib	0032	
Rokiah bte Abd Rahman	0034	

Sitiara bte Yahya	0055	
Sarimah bte Lamar	0058	
Sadih bte Hashim	0061	
Salmah bte Haji Nudin	0064	
Siti bte Yusof	0068	
Siti Sarah bte Abd Hamid	0070	
Tjah bte Mail	0074	
Zaharah bte Ja'afar	0078	
Zabaidah bte Mohd Hassan	0080	
Zauyah bte Haji Nayan	0086	
Tengah bin Haji Morshid	0089	
Mat Salleh bin Haji Yusof	0099	
Mohd Ali bin Radin	0109	
Md Ali bin Hj Yahya	0114	
Pungut bin Murang	0124	
Suhaili bin Hj Md Daud	0151	
Shamsudin bin Haji Ahim	0156	
Tami bin Mikot	0163	
Tamit bin Hanafiah	0164	

SPS 'O' 1981 (NOV/DEC)

SM PUSAR ULAK		
Abd Halim bin Umar	827/0004	
Abdul Majid bin Ya'akub	0006	
Abd Mustafah bin Atma	0011	
Abd Hamid bin Hj Kalong	0018	
Ag Saileh bin Amp Hj Judah	0041	
Ak Md Danan bin Pg Ahmad	0046	
Ali bin Haji Ibrahim/Ismail	0048	
Ak Sulaiman bin Pg Anom	0049	
Ahmad bin Uga	0054	
Ali bin Hj Jumat	0059	
A Matusin bin Md Jaafar/Japar	0071	
Adi bin Kahar/Abd Kahar	0073	
Hj Mohd Yusof bin Haji Metusin	0093	
Ismail bin Md Yusof	0110	
Jumat bin Matyassin	0116	
Kamil bin Osman	0120	
Liew Pang Ho	0127	
Marip bin Daud	0130	
Mohd Somali bin Rahmat	0133	
Merali bin Merusin	0154	
Matassan/Md Hasan bin Haji Tahir	0163	
Matasan bin Haji Bakar	0168	

SPS 'O' 1981 (NOV/DEC)

SMMM ALAM SERIA		
Dy Radiah bte Haji A Chuchu	828/0008	
Dk Simah bte Pg Mat Japar	0010	
Dk Fatimah bte Pg Omar	0015	
Norsiah bte Hj Mohd Noor	0038	
Norhayati bte Hamdi	0043	
Rosni bte Hj Awg Tajuddin	0045	
Rahiah bte Haji Othman	0047	
Rohani bte Haris	0049	
Saidah bte Hj Abd Rahman	0054	
Simok/Saliha bte Bolhassan	0057	
Tampoi bte Tengah	0067	
Zabaiha bte Hj Abd Rahman	0069	
Ahmad bin Ghani	0082	
Julaihe bin Safar	0094	
Mohammad Seruji bin Mahari	0106	
Mega bin Luyog	0107	
Md Tahir bin Md Yusof	0112	
Sanif bin Md Taib	0127	
Zainah bte Md Suod/Suhut	0084	

SPS 'O' 1982 (NOV/DEC)

SM PUSAR ULAK		
Armah bte D H Alam		
Dk Juata bte Pg Hj Damit	0029	
Dk Rosnah Pg Hj Hashim	0036	
Dy Rokiah bte Awg Hj Abd Rajak	0038	
Dk Tuah bte Pg Hj Omar	0040	
Dayang Tiah bte Yusof	0044	
Dk Rosni bte Pg Hj Hashim	0057	
Dk Rupiah bte Pg Hj Chuchu	0069	
Dk Masnonah bte Pg Hashim	0072	
Dayang Tiawa bte Hj Abas	0079	
Fazilah bte Haji Samidan	0084	
Fatimah bte Abd Hamid	0085	
Hjh Mariam bte Hj Abd Rahman	0093	
Hajjah bte Ahad	0094	
Hitun bte Haji Idris	0100	
Halimah bte Hj Razalli	0102	
Halimah bte Hj Suhailee	0103	
Hjh Latifah bte Hj Yaakub	0104	
Hjh Siti Hawa bte Hj Abu Bakar	0106	
Hajjah Nordinam bte Haji Yakub	0111	
Ja'iah bte Metassin	0118	
Jamilah bte Othman	0121	
Kaishah bte Nayan	0129	
Lantaj bte Hj Ali	0133	
Minah bte Osman	0135	
Mardiah bte Hj Abd Hamid	0150	
Noorsiah bte Haji Nudin	0161	
Normah bte Mohd Daud	0166	

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan-Jabatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

1) MEKANIK

A) (Di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan) (Bil.: 85/1985-1)

Tanggagaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun.
- Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah V Melayu atau sebanding dengannya.
- Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun pada membaiki kerosakan berjenis-jenis kenderaan dan alat-alat mekanikal seperti generator pump dan sebagainya.
- Pengalaman dan kebolehan di dalam meng-'overhaul' engine apa jua jenis kenderaan merupakan satu kelebihan akan diberikan keutamaan.

B) (Di Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 85/1985-2)

Tanggagaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan berumur di antara 25 hingga 35 tahun; dan
- Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan tersebut tetapi mempunyai sekurang-kurangnya tujuh tahun pengalaman praktikal dalam perkhidmatan sebagai mekanik yang berkebolehan memperbaiki enjin kereta dan motor sangkut akan dapat dipertimbangkan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- Memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil kereta-kereta land road, motor sangkut dan enjin generator; dan
- Mengawasi pemeliharaan kenderaan-kenderaan dan enjin-enjin generator kepunyaan jabatan ini.

2) PEMANDU TINGKAT KHAS:

(Di Pejabat Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bil.: 85/1985-3)

Tanggagaji: E. 2-3 EB. 4 — \$590-\$875 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu sekurang-kurangnya selama 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I.
- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
- Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas Am:

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bekerja bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa.

3) TRADESMAN TINGKAT I:

(Di Pejabat Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bil.: 85/1985-4)

Tanggagaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Mempunyai sijil dari Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkih dalam bidang Pengajian Asas Pertukangan Kejuruteraan dan Sijil dari City and Guilds of London Institute dan lulus mata pelajaran Internal Combustion Engine Work, Vehicle Work and Basic Engineering Trade subjects (Automotive).

ATAU
Mempunyai pengalaman praktikal dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Mekanik atau Tradesman Tingkatan II tidak kurang dari 5 tahun.

- Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman praktikal membaiki kenderaan seperti Wheel Loader, Truck dan lain-lain lagi, termasuk mesin-mesin rumpun dan motor sangkut.

4) PENGAWAS KECIL:

(Di Pejabat Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bil.: 85/1985-5)

Tanggagaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Berumur tidak kurang dari 25 tahun.
- Lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
- Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan di (b) tetapi mempunyai pengalaman mengawas dan mengawal pekerja-pekerja buruh jalan-jalan kecil di kampung-kampung pedalaman dalam daerah masing-masing sekurang-kurangnya selama 3 tahun akan juga dipertimbangkan.
- Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang bertugas sebagai mandur sekurang-kurangnya selama 3 tahun dalam tugas-tugas di (c).

Tugas-tugas:

Calon-calon yang berjaya akan sentiasa melawat ja'an-jalan kecil kampung-kampung pedalaman, mengawas dan mengawal pekerja-pekerja buruh dan lain-lain tugas yang berkaitan dengan tanggungjawab pejabat pejabat daerah.

5) PEMANDU/MEKANIK MOTOR SANGKUT TINGKAT KHAS:

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 85/1985-6)

Tanggagaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur 18 tahun tetapi tidak lebih dari 40 tahun.
- Mempunyai pengalaman sebagai pemandu motor sangkut dan biasa hilir mudik di sungai-sungai Brunei.
- Pandai membaca dan menulis serta mempunyai kebolehan sedikit sebanyak dalam urusan membaiki kerosakan jentera motor sangkut.

d) Pemohon pemohon yang dapat menunjukkan surat akuan bekerja sebagai mekanik motor sangkut akan diberi keutamaan.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 22 Jun, 1985.

(E/957/85)

TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

BIL.: JKP — 7/1985

NAMA Projek: TAWARAN SEMULA CADANGAN BINAAN LONGKANG KONKRIT, KALBAT EMPAT PERSEGI DAN TAKONG KONKRIT (SUMPS) DI PERINDAHAN KG. BUNPONG PINGAI, BERAKAS.

2. Dokumen-tawaran boleh dilihat dan didapati dari:

Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 3, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kawasan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam.

mulai hari Rabu 22 Mei hingga 1 Jun, 1985.

3. Kelayakan pemborong: Kelas 'B' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4. Cagaran tawaran: B\$200.00 + B\$100.00 (dokumen) + B\$150.00 (pelan).

5. Tarikh tutup: Hari Isnin 3 Jun, 1985 jam 12.00 tengah hari.

6. Syarat-syarat tawaran: —

6.1 Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan);

6.2 Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;

6.3 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada:

Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

6.4 Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat Tiga, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam.

6.5 Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona fide tender);

6.6 Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan;

